
TARIF AMERIKA SYARIKAT DAN KESANNYA TERHADAP PSIKOLOGI RAKYAT MALAYSIA

Teoh Jia Long, Muhammad Idris Bullare Bahari*, Hon Kai Yee,
Mohd Dahlan A. Malek, Lailawati Madlan @ Endalan, dan
Najah Afina Mohd Harun

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding email: ferlis@ums.edu.my
<https://doi.org/10.51200/sapj.v13i2.6819>

Abstrak: Kertas konseptual ini bertujuan untuk meneroka impak tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap kesejahteraan psikologi Masyarakat Malaysia. Walaupun kesan ekonomi oleh tarif sering diteroka, kesan psikologi, khususnya dalam landskap ekonomi global yang saling berkait kurang diberi perhatian. Kertas konseptual ini mengetengahkan satu kerangka teoretikal yang menghubungkan polisi perdagangan, ketidakstabilan ekonomi, dan kesejahteraan psikologi individu. Berpandukan sistem ekologi Bronfenbrenner, teori pemuliharaan sumber, dan model proses stres, kertas ini akan mengutarakan bagaimana tindakan ekonomi antarabangsa mempengaruhi kesejahteraan psikologi terhadap masyarakat Malaysia.

Kata Kunci: Tarif, Kesejahteraan Psikologi, Malaysia

Abstract: The conceptual paper aims to explore the impact of United States (US) tariffs on psychological well-being of Malaysian citizens. While the economic consequences of tariffs has been widely documented, its psychological impact, specifically in an intertwined global economic landscape remains embryonic. Hence, the paper sought to propose a theoretical framework that links trade policies, economic instability, and psychological well-being of individuals. Guided by Bronfenbrenner's ecological theory, Conservation of Resources theory, and the Stress Process Model, this paper will offer insights on how the shift in global economic policies could impact psychological well-being of Malaysians.

Keywords: Tariffs, Psychological Well-Being, Malaysian

PENGENALAN

Keputusan presiden Amerika Syarikat (AS), Donald J. Trump memperkenalkan tarif timbal balik (*reciprocal tariffs*) terhadap semua barangan import AS (Grantham-Philips, 2025) telah menggegarkan kestabilan ekonomi global. Akan tetapi, tindakan AS mengenakan tarif kepada negara-negara lain telah lama berlangsung, terutamanya terhadap negara China. Pelaksanaan tarif terhadap negara-negara lain ini boleh dikesan semenjak Febuari 2018 (Bown, 2025). Tarif yang diperkenalkan ini mempunyai kesan tempias (*ripple*) terhadap ekonomi dunia. Secara tidak langsung, Malaysia, yang menjadi salah satu negara penting dalam rantai pembekalan global dalam industri getah, elektronik, dan minyak kelapa sawit telah terkesan dengan tindakan ekonomi AS ini (World Bank, 2021). Bukan itu sahaja, baru-baru ini, presiden AS telah mengambil keputusan untuk meningkatkan lagi tarif yang dikenakan terhadap Malaysia, daripada 2% pada April 2025 ke 25% pada tujuh Julai, 2025 (Carvalho, San, & Junaid Ibrahim, 2025). Walaupun peningkatan ini adalah sebanyak 1% sahaja, ia tidak dapat dinafikan situasi ini agak merunsingkan dan mengeruhkan lagi kedudukan ekonomi Malaysia.

Kebanyakan kajian yang telah dijalankan mengenai perubahan polisi perdagangan negara seperti tarif telah memberi fokus kepada impak ekonomi (Autor, Dorn, & Hanson, 2016; Baier & Bergstrand, 2007; Fajgelbaum, Goldberg, Kennedy, & Khandelwal, 2020). Pencarian di laman web *World Trade Organization* juga mendapati bahawa terdapat dokumentasi komprehensif mengenai tarif dan impaknya, namun ia hanya memberi tumpuan kepada indikator ekonomi sahaja. Indikator psikologi, terutamanya kesejahteraan psikologi, tidak dijadikan fokus utama (World Trade Organization, 2025a). Walaupun terdapat kajian yang menghubungkan kesejahteraan psikologi dengan krisis ekonomi (Rho, Brown, & Frenstad, 2020), kajian ini memberi fokus kepada krisis ekonomi semasa pandemik COVID-19, tidak memberi tumpuan kepada perdagangan dan tarif. Ringkasan terhadap beberapa kajian lepas boleh dirujuk pada Jadual 1.

Jadual 1

Ringkasan kajian lepas mengenai impak perubahan landskap dan krisis ekonomi

Penyelidik/tahun	Fokus	Dapatan
Autor et al. (2016)	Kesan peningkatan mendadak China sebagai kuasa pengeluaran global terhadap pasaran kerja AS.	- Kehilangan pekerjaan dalam sektor pengeluaran di AS dan kehilangan ini tidak dapat diseimbangkan oleh pasaran lain. - Pengurangan pendapatan dan ketiadaan kerja yang berterusan. - Peningkatan kos lantaran bayaran elaun tidak bekerja dan elaun pekerja kurang upaya.
Baier dan Bergstrand (2007)	Kajian longitudinal perjanjian perdagangan bebas (FTAs) dan impak terhadap aliran perdagangan	- FTA meningkatkan aliran perdagangan sesama ahli sebanyak 100%.
Fajgelbaum et al., (2020)	Bagaimana tarif AS dan tarif timbal balik China memberi kesan kepada harga, aliran perdagangan, dan kebajikan di AS dan global	- Pengguna AS menanggung kos yang tinggi akibat kenaikan harga barang. - Tarif timbal balik China menjejaskan eksport AS. - Sebahagian perdagangan dialihkan ke negara yang tidak dikenakan tarif tetapi kos dan keberkesanan tidak meningkat. - Tarif memberi kesan negatif terhadap ekonomi. - Tidak ada peningkatan dalam keseimbangan perdagangan.

Penyelidik/tahun	Fokus	Dapatan
Rho et al., (2020).	Demografi pekerja semasa peringkat awal COVID-19	- Pekerja berkulit hitam masih bekerja dalam perkhidmatan kesihatan dan pengangkutan. - Pekerja Latino masih bekerja dalam sektor pembersihan dan penyelenggaraan bangunan. - 52% yang berkhidmat dalam sektor kesihatan dan penjagaan kanak-kanak adalah golongan wanita. - Pekerja barisan hadapan ini bergaji rendah dan tidak diberi insurans. - Majoriti tidak dibenarkan bekerja dari rumah.
Eichengreen dan Irwin (2010).	Menganalisis lonjakan dasar perlindungan (terutamanya tarif) semasa kemelesetan besar.	- Tarif sering mencetuskan tindak balas, mengeruhkan lagi kemerosotan dalam aliran perdagangan global.
Amiti, Redding, dan Weinstein (2019)	Kesan perang perdagangan AS dan China pada 2018 terhadap harga barangan dan kebajikan pengguna	- Peningkatan harga barangan yang signifikan bagi pengguna di AS. - Pengurangan import AS manakala eksport AS terjejas oleh tarif balas balik. - Kebajikan pengguna merosot.
Bown (2021)	Hasil perjanjian perdagangan fasa satu pentadbiran Trump dengan China	- Perjanjian gagal mencapai sasaran eksport. - Tarif kekal dan membebankan pengguna.
Pierce dan Schott (2020)	Kesan kejutan ekonomi yang besar dan berpanjangan terhadap rasa putus asa dan kematian di AS.	- Lokasi yang lebih terdedah kepada saingan import China melaporkan kadar kematian yang lebih tinggi akibat pengambilan dadah berlebihan dan kejadian bunuh diri.

Penyelidik/tahun	Fokus	Dapatan
Autor, Dorn, Hanson, dan Majlesi (2020)	Kesan peningkatan pesaingan import terhadap polarisasi politik	- Peningkatan import dari China meningkatkan polarisasi politik dan keadaan sosial yang tidak aman.

Berdasarkan Jadual 1, adalah boleh dirumuskan bahawa kajian mengenai perubahan lanskap ekonomi dan impaknya terhadap kesejahteraan psikologi adalah terhad. Oleh yang demikian, kertas konseptual ini akan menghubungkan ekonomi global dengan psikologi, yang mana kesejahteraan psikologi masyarakat Malaysia akan diberi fokus, justeru memberi pencerahan terhadap kesan humanistik lantaran keputusan ekonomi global.

Pendekatan Teoretikal

Dalam usaha untuk memahami bagaimana polisi ekonomi seperti tarif yang dikenakan oleh AS mempengaruhi kesejahteraan psikologi, tiga teori telah digunakan sebagai panduan iaitu teori sistem ekologi Bronfenbrenner (Bronfenbrenner, 1979), teori pemuliharaan sumber (*Conservation of Resources Theory*; COR, Hobfoll, 1989), dan model proses stres (Pearlin, Menaghan, Lieberman, & Mullin, 1981).

Menurut Bronfenbrenner (1979), perkembangan seseorang individu adalah dipengaruhi oleh sistem yang saling berkait iaitu sistem mikro, (persekitaran yang paling dekat dengan individu seperti ahli keluarga, sekolah, dan rakan-rakan), sistem meso (interaksi di antara dua atau lebih sistem mikro seperti interaksi ahli keluarga dengan sekolah), sistem ekso (persekitaran luar yang mempengaruhi individu secara tidak langsung seperti tempat kerja dan komuniti), sistem makro (nilai dan kepercayaan budaya yang mempengaruhi sistem yang dikemukakan sebelum ini), dan sistem krono (aliran masa atau perubahan sejarah yang mempengaruhi perkembangan individu seperti pandemik COVID-19). Dalam hal ini, tarif yang diperkenalkan oleh AS (sistem makro), akan memberi kesan jangka panjang terhadap ekonomi, yang akan mengganggu sistem ekso di Malaysia seperti pasaran kerja, justeru mengganggu kesejahteraan psikologi individu pada peringkat mikro (Kazak, Simms, & Rourk, 2002; Weisner, 2002). Hal ini jelas di dalam beberapa

petikan akhbar yang menyatakan Malaysia berisiko untuk kehilangan sehingga 50000 pekerjaan lantaran pelaksanaan tarif Trump yang mengejut (Faiqah Kamaruddin, 2025; Mukhriz Mat Husin, 2025), meskipun polisi ini berasal daripada negara luar.

Berdasarkan teori *Conservation of Resources (COR)* (Hobfoll, 1989, 2001), stres merupakan reaksi terhadap kehilangan sumber, sama ada kehilangan yang nyata atau kehilangan yang dijangka seperti sumber kewangan, pekerjaan, atau sokongan sosial. Teori ini mengutarakan bahawa individu lazimnya mencuba sedaya upaya untuk memperoleh, menyimpan, dan menjaga keselamatan sumber yang dianggap berharga. Sumber ini boleh dikategorikan kepada empat kategori utama iaitu sumber objek (rumah, kenderaan), situasi/kondisi (perkahwinan, hubungan interpersonal, pekerjaan), ciri personal (sifat optimis, pemikiran positif, keyakinan dan harga diri, kemahiran) dan tenaga (perkara yang dapat membantu untuk memperoleh sumber-sumber sebelum ini seperti duit, masa, dan ilmu). Teori ini sesuai digunakan kerana tarif AS dijangka akan memberi impak negatif terhadap perkembangan ekonomi secara negatif (World Trade Organization, 2025a, 2025b), yang akan menyebabkan negara seperti Malaysia sukar untuk memperoleh sumber-sumber penting, justeru menurunkan tahap kesejahteraan psikologi warga Malaysia akibat peningkatan tahap stres. Situasi ini juga jelas semasa pandemik COVID-19, yang mana kemerosotan ekonomi akan membawa kepada kehilangan sumber, justeru menyebabkan tekanan psikologi (Chen & Bonanno, 2021).

Bagi model proses stres pula (Pearlin et al., 1981), model ini mentakrifkan stres dari sudut pandangan sosiologi, yang mana stres pada peringkat makro seperti kemerosotan ekonomi dan ketidakstabilan kewangan akan menjadi punca stres kronik bagi individu. Model ini membahaskan bahawa stres adalah hasil daripada beberapa komponen yang saling berkait iaitu kondisi sosial (kemiskinan) dan sumber stres (kejadian kehidupan seperti inflasi, perceraian, kematian). Situasi-situasi ini akan membawa kepada kesan psikologi seperti kebimbangan, kemurungan, dan penurunan tahap kesejahteraan, yang mana daya tindak dan sokongan sosial boleh menjadi perantara. Berdasarkan model ini, tekanan ekonomi lantaran tarif AS akan membawa kepada kebimbangan dan kemurungan akibat impak negatifnya terhadap kestabilan kerja, kefungsiian kerja, mahupun jati diri individu (Thoits, 2010). Sebagai contohnya, pasaran kerja yang merosot secara berpanjangan lantaran pasaran

eksport yang semakin sempit akan menyebabkan tekanan emosi yang tinggi, khususnya kepada keluarga berpendapatan rendah, ataupun golongan muda seperti para graduan universiti yang baharu ingin berkecimpung di dalam dunia pekerjaan. Situasi ini adalah mustahak kerana kajian telah membuktikan bahawa tekanan sosial seperti ketidaksaksamaan ekonomi dan tekanan kewangan memberi impak negatif terhadap kesihatan mental (Aneshensel, 2009), yang mana jika berpanjangan, akan membawa kepada kepuasan hidup yang rendah dan masalah psikiatrik seperti kemurungan (Drydakis, 2015; Turner & Lloyd, 2004).

Tuntasnya, teori-teori ini menjelaskan bahawa polisi ekonomi global, meskipun ia diperkenalkan oleh negara yang asing dan jauh, berupaya untuk memberi kesan psikologi terhadap individu kerana polisi seperti tarif AS ini mengganggu persekitaran sosioekonomi individu. Impak ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya.

Impak Global Tarif US

Secara amnya, tarif merupakan satu bentuk cukai yang dikenakan ke atas barangan yang diimport (World Trade Organization, 2025b), dan ia lazimnya dilaksanakan untuk melindungi perniagaan domestik daripada pesaing luar, menjana pendapatan untuk kerajaan, dan boleh digunakan sebagai salah satu senjata ekonomi untuk mempengaruhi polisi perdagangan (Forrer & Harrington, 2019; Okoroafor, 2025; Zhang, 2021). Semenjak tahun 2018, negara AS telah mengenakan tarif ke atas barangan import China (Bown, 2021), dan secara tidak langsung telah mengganggu aliran perdagangan dunia, memberi impak negatif terhadap negara-negara yang terlibat dalam rantai pembekalan sumber. Jadual 2 memaparkan secara ringkas aliran tarif pada tahun 2025.

Jadual 2
Aliran tarif 2025, sehingga April 2025

Tarikh (2025)	Perkembangan
1 Januari	China laras tarif MFN; AS ubah tarif Seksyen 301 ke atas produk China seperti tungsten, wafer dan polisilikon.
20 Januari	Pentadbiran Trump bermula, Biden tamat.
4 Februari	AS mengenakan tarif 10% ke atas semua import dari China
7 Februari	AS kurangkan tarif panel solar
Februari 10	China balas tarif AS pada 4 Februari
4 Mac	AS mengenakan semula tarif 10% ke atas import China dan tarif ke atas Kanada dan Mexico
10 Mac	China balas tarif AS pada 4 Mac
12 Mac	AS mengenakan tarif ke atas keluli, aluminium dan produk berkaitan
3 April	AS mengenakan tarif 25% ke atas kereta
5 April	AS mengenakan tarif 10% ke atas hampir semua negara, termasuk China, kecuali beberapa sektor.
9 April	AS mengenakan tarif 1–74% ke atas negara yang ada lebih dagangan, termasuk 74% ke atas China
10 April	China balas dengan tarif 84% terhadap AS; AS tarik balik tarif ke atas negara lain.
11 April	AS mengecualikan beberapa produk semikonduktor daripada tarif.
12 April	China balas tarif AS dengan menaikkan tarif kepada 125%.

Nota. Adaptasi daripada Bown (2025, US-China Trade War Tariffs: An Up-to-Date Chart).

Berdasarkan Jadual 2, boleh dilihat bahawa pada tahun 2025, ketegangan perdagangan antara AS dan China semakin meningkat dengan pelaksanaan pelbagai tarif baharu yang memberi kesan besar terhadap hubungan ekonomi global. AS mengambil langkah yang agak agresif dengan mengenakan tarif umum sebanyak 10% ke atas semua import dari China, di samping

mengenakan tarif khusus terhadap industri strategik seperti keluli, aluminium, panel solar, dan sektor automotif. Selain itu, AS turut melaksanakan tarif tambahan terhadap negara yang mempunyai lebih dagangan dengan mereka, dengan China menjadi sasaran utama melalui tarif setinggi 74% ke atas produk mereka.

Sebagai tindak balas terhadap tindakan AS, China tidak berdiam diri dan dengan segera melancarkan tarif balas ke atas produk AS dengan kadar yang semakin meningkat. Pada 10 April 2025, China mengenakan tarif 84% terhadap AS, yang kemudiannya dinaikkan kepada 125% pada 12 April 2025, menunjukkan eskalasi perang perdagangan yang lebih serius. Strategi ini bukan sahaja memberi impak terhadap ekonomi kedua-dua negara, tetapi juga mengganggu kestabilan perdagangan antarabangsa serta rantai bekalan global. Gangguan ini membawa kepada ketidakpastian pasaran, peningkatan kos barangan, serta kesan domino terhadap sektor-sektor yang bergantung kepada import dan eksport antara AS dan China.

Perang perdagangan antara AS dan China ini bukan sekadar persoalan ekonomi, tetapi juga mempunyai implikasi geopolitik yang lebih besar. Ia mencerminkan pergeseran kuasa ekonomi global dan perubahan strategi perdagangan yang boleh mempengaruhi hubungan diplomatik serta keseimbangan ekonomi antarabangsa untuk tahun-tahun yang akan datang. Situasi ini juga berpotensi mencetuskan perubahan dalam dasar perdagangan negara-negara lain yang terkesan oleh tarif ini, kerana mereka mungkin perlu menyesuaikan strategi eksport dan import untuk menghadapi perubahan struktur dalam perdagangan dunia. Sebagai contohnya, Malaysia telah melakukan penyesuaian dasar ekonomi dengan menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2025 daripada 4.7% kepada 4.3% (Malay Mail, 2025).

Bukan itu sahaja, Malaysia juga telah mengambil tindakan proaktif, menjalankan perundingan tarif dengan AS. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan bahawa kerajaan AS bersedia untuk meneruskan perbincangan bagi meringankan impak tarif ini, di samping usaha Bank Negara Malaysia menyuntik lebih kurang RM19 bilion ke dalam sistem perbankan negara bagi meningkatkan kecairan (*liquidity*) dan mendorong pertumbuhan ekonomi (Malay Mail, 2025). Bagi jangka masa panjang pula,

Malaysia juga aktif dalam usaha untuk memperkukuhkan kerjasama perdagangan dengan negara ASEAN dan negara-negara lain, bagi mengurangkan ketergantungan terhadap AS dan China (Rahimi Rahim & Carvalho, (2025).

Malaysia, walaupun bukan sasaran utama dalam dasar tarif yang diperkenalkan oleh AS, tetap memainkan peranan yang signifikan dalam rantai pembekalan global, terutama dalam industri elektrik dan elektronik (E&E). Industri ini merupakan tulang utama eksport negara, menyumbang 40% daripada keseluruhan eksport Malaysia (Shanon, 2025). Kedudukan Malaysia sebagai hab pengeluaran dalam sektor ini menjadikannya sensitif terhadap sebarang perubahan dalam dasar perdagangan antarabangsa, terutamanya dalam konflik perdagangan antara AS dan China, yang mengakibatkan gangguan dalam permintaan dan bekalan komponen elektronik.

Selain sektor E&E, Malaysia turut memberi sumbangan penting dalam industri farmaseutikal dan perabot (Shanon 2025), di mana eksport produk dari sektor ini berperanan dalam memenuhi keperluan pasaran AS. Dengan peningkatan tarif yang bakal dikenakan ke atas import ke AS, pemain industri di Malaysia berusaha untuk mengatasi cabaran ini, termasuk dengan meningkatkan pengeluaran sebelum tarif baru berkuat kuasa. Pekerja kilang pengeluaran perabot terpaksa bekerja lebih masa bagi memenuhi pesanan dari AS sebelum pelaksanaan tarif (Channel News Asia, 2025), mencerminkan tekanan yang dihadapi oleh sektor ini untuk mengekalkan daya saing dan memenuhi permintaan pelanggan sebelum kos perdagangan meningkat.

Keadaan ini menggambarkan kebimbangan mendalam dalam kalangan pengusaha Malaysia terhadap kemungkinan impak negatif daripada dasar tarif AS. Peningkatan tarif boleh menyebabkan penurunan pesanan eksport, mendorong kos operasi yang lebih tinggi, serta mempengaruhi kestabilan pekerjaan dalam sektor yang bergantung kepada pasaran luar. Jika eksport merosot akibat tarif ini, Malaysia mungkin mengalami kesan berganda dalam bentuk pengurangan pelaburan asing, ketidakpastian dalam pasaran pekerjaan, serta tekanan ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, pemimpin industri dan kerajaan berusaha mencari penyelesaian dengan memperluaskan akses pasaran, meningkatkan hubungan perdagangan dengan

negara lain, serta menggalakkan industri tempatan untuk beralih ke strategi yang lebih mampan dan mendiversifikasi eksport.

Selain itu, dasar dan strategi ekonomi Malaysia dalam menghadapi cabaran ini turut boleh menentukan bagaimana negara menyesuaikan diri dengan perubahan landskap perdagangan global. Penekanan terhadap kerjasama dalam ASEAN, usaha menarik pelaburan ke dalam sektor yang kurang terjejas oleh tarif, serta pemerkasaan perjanjian perdagangan dengan negara yang menawarkan laluan alternatif bagi eksport Malaysia mungkin menjadi langkah yang perlu dipertimbangkan untuk mengurangkan risiko ekonomi yang berpunca daripada ketegangan perdagangan AS-China (Rahimi Rahim & Carvalho, 2025).

Sehubungan dengan itu, terdapat dua impak utama tarif AS yang dapat kita perhalusi. Impak pertama adalah impak ekonomi, sama seperti pandemik COVID-19, krisis ekonomi sebegini akan membawa kepada ketidakamanan pekerjaan (*job insecurity*), terutamanya dalam industri pengeluaran dan E&E, yang mana mungkin akan berlaku pengurangan masa bekerja dan pembuangan pekerja akan berlaku (Department of Statistics Malaysia, 2021). Bukan itu sahaja, tekanan inflasi turut akan meningkat. Perkara ini adalah amat kritikal kerana tarif AS akan memberi kesan negatif terhadap eksport Malaysia, yang mana akan menyebabkan permintaan barangan keluaran Malaysia terpaksa dikurangkan (Siti Noor Faezah Muda, 2025). Ini akan membawa kepada gangguan terhadap kekurangan penawaran, justeru meningkatkan kos barangan dan kos sara hidup (Nurulkamal Masseran, Nazihah Ruzelan, & Nur-Firyal, 2024; World Bank, 2020). Akhir sekali, tarif AS yang diperkenalkan akan meningkatkan ketidakpastian ekonomi (*economic uncertainty*), yang mana akan mengurangkan pelaburan asing ke negara Malaysia (World Bank, 2021).

Impak kedua pula adalah impak kepada kesejahteraan psikologi populasi Malaysia. Pertama sekali, ketidakstabilan kewangan lantaran ekonomi yang merosot, yang membawa kepada kehilangan kerja atau kekurangan penawaran pekerjaan baharu yang berkurangan akan mengakibatkan stres yang kronik serta kemurungan (Alya Maisarah Zafary, Wan Mohd Yunus, & Syazwina Mohd Khir, 2024; Lund et al., 2010). Penjelasannya adalah masalah kekangan kewangan akan membawa kepada beberapa simptom, termasuklah emosi

(perasaan resah dan bimbang, dan putus asa), fizikal (sakit kepala dan tidur yang tidak berkualiti), dan sosial (mengelak daripada interaksi sosial), yang mana perasaan ini sering menjadi petanda awal kepada kemurungan (Alya Maisarah Zafary et al., 2024), justeru menjejaskan kebahagiaan individu (Rochman Hadjman & Arif Nasiruddin, 2011). Kepentingan kestabilan ekonomi telah banyak dibahaskan. Misalnya, kajian oleh Arampatzil dan Veenhoven (2014), telah mendapati pekerja yang berada di dalam keadaan kewangan yang negatif melaporkan kepuasan hidup yang rendah. Situasi ini adalah lebih mustahak bagi golongan orang kurang upaya. Beberapa kajian telah mendapati bahawa kestabilan kewangan adalah faktor penting bagi kebahagiaan orang kurang upaya (Teoh & Muhammad Idris Bullare Bahari, 2018, 2022). Namun begitu, apabila berlaku krisis ekonomi, golongan orang kurang upaya adalah dua kali ganda lebih berisiko untuk dipecat, (Jones, Latreille, & Sloane, 2021; Maroto & Pettinichio, 2024), sekali gus mengeruhkan lagi keadaan kewangan mereka.

Tambahan lagi, pekerjaan bukan sahaja satu sumber pendapatan, tetapi ia turut merupakan identiti seseorang individu. Identiti ini mencerminkan status sosial dan nilai seseorang itu sebagai individu yang berfungsi (Selenko, Makikangas, & Stride, 2017). Apabila berlaku ancaman terhadap pekerjaan, ia akan membawa kepada perasaan tidak bermaya dan tidak bernilai (Paul & Moser, 2009). Polemik ini turut disokong oleh kajian *longitudinal* berasaskan pendekatan Teori COR oleh Jiang, Xu, Zubielevitch, dan Sibley (2025), yang mendapati individu yang berasa tidak selamat dalam kerjaya cenderung kehilangan keyakinan diri dan merasakan diri tidak bernilai. Keadaan ini digambarkan oleh mereka dengan istilah “pusaran kehilangan (*the lost spiral*)”. Perkara ini menjadi lebih sinis apabila sesetengah individu merasakan kerjaya mereka adalah tidak selamat, ia akan membawa kepada rasa objektifikasi sendiri (*self objectification*), yang mana mereka melihat diri mereka ini sebagai alat, untuk digunapakai oleh individu lain, dan dibuang apabila tidak diperlukan, berbanding sebagai manusia yang mempunyai harga diri dan emosi (Baldissarri, Pagliaro, Teresi, & Andriaghetto, 2023).

Kehilangan pekerjaan yang menjejaskan identiti individu boleh mencetuskan konflik keluarga. Justeru, landskap kewangan yang stabil adalah amat kritikal bagi mengekalkan kefungsi institusi kekeluargaan. Tambahan pula, kestabilan kewangan adalah lebih penting bagi keluarga yang mempunyai anak, memandangkan kanak-kanak mempunyai keperluan yang jauh lebih

tinggi berbanding orang dewasa (McLaughlin, 2007). Banyak kajian terkini turut mengetengahkan kepentingan sumber kewangan terhadap institusi keluarga (Muhammad Idris Bullare Bahari & Ra'idatun Adilah Binti Nor Zaman, 2019; Ross, Gale, Wickrama, Goetz, & Vowels, 2019; Ryu & Fan, 2022). Tekanan kewangan boleh mencetuskan konflik kekeluargaan kerana ia mengubah dinamik hubungan dalam keluarga. Apabila berdepan dengan masalah kewangan, pasangan cenderung untuk lebih kerap berselisih dan kurang memberikan sokongan emosi antara satu sama lain. Fenomena ini sukar dibendung kerana apabila berlaku tekanan kewangan hidup, fokus pasangan adalah lebih kepada kelangsungan hidup, dan apabila sumber yang diperlukan untuk kelangsungan hidup adalah terhad, selaras dengan teori *COR* (Hobfoll, 1989), konflik akan berlaku akibat tekanan. Dalam jangka masa yang panjang, konflik ini akan menurunkan kepuasan perkahwinan, justeru mengakibatkan perceraian. Kajian oleh Teoh dan Muhammad Idris Bullare Bahari (2018, 2022), turut membuktikan situasi ini yang mana kestabilan kewangan adalah sumber penting bagi kebahagiaan di dalam perkahwinan.


Dari sudut kebahagiaan pula, indeks kebahagiaan penduduk Malaysia akan semakin merosot. Berdasarkan laporan kebahagiaan dunia (*World Happiness Report*: Helliwell et al., 2025), Malaysia berada pada kedudukan ke-64. Kedudukan ini telah merosot berbanding tahun sebelumnya iaitu 59 pada tahun 2024 dan 55 pada tahun 2023. Keadaan ini berkait rapat dengan kurangnya keyakinan rakyat Malaysia terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan sosial (Malay Mail, 2025). Kekurangan keyakinan rakyat Malaysia terhadap kestabilan ekonomi negara ini adalah dipengaruhi oleh inflasi, kos sara hidup yang meningkat, dan ketidaktentuan pasaran pekerjaan. Namun begitu, walaupun kedudukan Malaysia dalam laporan kebahagiaan dunia telah menurun, terdapat beberapa aspek positif yang masih boleh diperbaiki. Sebagai contoh, laporan tersebut menyatakan bahawa Malaysia adalah antara negara yang paling banyak berkongsi makanan bersama dalam kalangan penduduknya (Augustin, 2025; Helliwell et al., 2025), dengan purata 11 hidangan seminggu. Situasi ini menunjukkan bahawa hubungan sosial masih kuat, yang boleh menjadi asas untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Ahli falsafah dalam bidang psikologi positif banyak menekankan peranan afek positif dalam pencapaian kebahagiaan. Diener (1984) telah menyarankan

bahawa untuk seseorang mencapai kebahagiaan, tiga komponen perlu wujud iaitu afek positif yang tinggi, afek negatif yang rendah, dan kepuasan hidup. Fredrickson (1998, 2001) pula memperkenalkan teori *Broaden-and-Build*, yang mana teori beliau telah dikembangkan pada tahun 2005 (Fredrickson & Losada, 2005). Teori ini membahaskan bahawa emosi positif adalah kritikal kerana ia dapat meluaskan pusingan pemikiran dan tingkah laku yang membolehkan individu terus berkembang secara positif. Nisbah yang dicadangkan adalah 1:3, yang mana bagi setiap satu afek negatif, tiga afek positif diperlukan bagi menjamin proses ini (Fredrickson, 2013). Namun begitu, selaras dengan teori *COR* dan teori proses stres, afek negatif mungkin akan mendominasi lantaran persepsi individu terhadap kesan negatif tarif AS. Kesan tarif AS secara keseluruhan boleh dilihat melalui model konseptual berikut:

Rajah 1

Model konseptual kesan terhadap kesejahteraan psikologi



Berdasarkan Rajah 1, boleh dilihat bahawa perubahan dalam tarif perdagangan AS yang mencerminkan peralihan dalam budaya perdagangan global (sistem makro) telah menyebabkan gangguan terhadap perdagangan antarabangsa, memberikan impak signifikan kepada kestabilan ekonomi Malaysia. Ketidakpastian dalam hubungan perdagangan ini membawa kepada penurunan eksport, yang seterusnya mengakibatkan gangguan kepada sistem ekso negara seperti ketidakpastian pekerjaan dan ketidakstabilan kewangan, yang akhirnya memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Gangguan terhadap sistem ekso Malaysia ini bukan sekadar fenomena ekonomi, tetapi turut mencetuskan kesan psikologi yang mendalam. Ketidakstabilan kewangan dan ketidaktentuan pekerjaan menyebabkan tekanan emosi, perasaan risau yang berpanjangan, rasa putus asa terhadap masa depan, serta peningkatan kadar kemurungan dalam kalangan rakyat. Masalah ini boleh dilihat daripada perspektif teori *Conservation of Resources (COR)* dan model proses stres, yang menjelaskan bagaimana kehilangan atau ancaman terhadap sumber, terutamanya kewangan boleh mencetuskan tekanan psikologi yang berpanjangan. Kekurangan sumber bukan sahaja dirasakan secara realiti melalui kesempitan ekonomi, tetapi juga dipersepsikan sebagai satu ancaman terhadap kesejahteraan masa depan, sekali gus memperkukuhkan kesan stres dalam kehidupan harian rakyat Malaysia.

Situasi ini memberi gambaran bahawa kemerosotan ekonomi bukan sekadar isu kewangan semata-mata, tetapi juga mencerminkan impak sosial dan psikologi yang meluas, yang akhirnya merosotkan tahap kebahagiaan rakyat secara keseluruhannya. Oleh itu, kajian masa hadapan boleh mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dengan menguji model konseptual yang merangkumi hubungan antara perubahan ekonomi global, ketidaktentuan sistem ekso Malaysia, serta kesan psikologi terhadap kesejahteraan individu.

Selain itu, satu aspek yang wajar diberi perhatian adalah bagaimana psikologi positif boleh memainkan peranan sebagai perantara atau penyederhana dalam proses ini. Kajian lanjut boleh meneliti bagaimana faktor seperti daya tahan psikologi, sokongan sosial, dan strategi daya tindak yang efektif dapat mengurangkan impak negatif perubahan ekonomi terhadap kesejahteraan rakyat. Pendekatan ini boleh menjadi asas kepada pembangunan polisi yang lebih berkesan untuk meningkatkan daya tahan masyarakat dalam menghadapi ketidakstabilan ekonomi yang berterusan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat memberi kesan yang ketara terhadap kesejahteraan psikologi masyarakat Malaysia. Walaupun pada dasarnya ia merupakan langkah ekonomi yang dilaksanakan oleh negara yang jauh, impaknya tetap dirasakan dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia, khususnya dalam aspek sosioekonomi individu. Ketidakstabilan ekonomi yang tercetus akibat pelaksanaan tarif ini bukan sahaja memberi tekanan kepada sektor perniagaan dan perdagangan, tetapi juga membawa kesan langsung kepada pekerja dan isi rumah yang bergantung kepada kestabilan ekonomi untuk menjamin sumber pendapatan mereka. Kehilangan pekerjaan, ketidakjaminan kewangan, serta peningkatan kos sara hidup akibat kesan domino daripada tarif ini menyumbang kepada tekanan psikologi yang berpanjangan, yang akhirnya mencetuskan kebimbangan meluas dalam kalangan masyarakat.

Situasi ini, jika tidak ditangani dengan berkesan, boleh mengakibatkan pelbagai cabaran sosial, termasuk perasaan resah dan putus asa dalam kalangan individu yang terjejas. Ketidakstabilan ekonomi bukan sahaja merosakkan kesejahteraan psikologi seseorang secara individu tetapi juga mewujudkan ketegangan dalam hubungan keluarga dan sosial. Kegelisahan mengenai masa depan ekonomi, ketidakpastian berkaitan peluang pekerjaan, serta ketidakmampuan memenuhi keperluan asas boleh membawa kepada konflik keluarga, tekanan interpersonal, dan secara keseluruhannya menjejaskan keharmonian masyarakat. Akibatnya, indeks kebahagiaan penduduk Malaysia turut mengalami kemerosotan, mencerminkan kesan mendalam yang ditimbulkan oleh perubahan dalam dasar ekonomi global terhadap keadaan emosi dan sosial rakyat.

Oleh itu, adalah penting untuk memahami bahawa keputusan ekonomi yang dibuat di peringkat antarabangsa boleh membawa kesan yang jauh lebih luas daripada sekadar angka atau statistik; ia turut mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan kestabilan hidup masyarakat di negara lain. Dalam konteks Malaysia, usaha yang lebih tegas perlu digerakkan untuk mengurangkan kesan negatif ini. Ini termasuk langkah-langkah seperti memperkukuhkan ekonomi domestik melalui dasar yang berdaya tahan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang stabil, memperluaskan jaringan keselamatan sosial,

serta memastikan rakyat mempunyai akses kepada sokongan yang mencukupi untuk menangani tekanan ekonomi yang semakin meningkat. Di samping itu, meningkatkan kepercayaan terhadap institusi negara melalui ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pentadbiran ekonomi adalah satu langkah yang kritikal bagi menjamin kesejahteraan masyarakat serta memastikan kebahagiaan rakyat Malaysia berada dalam keadaan yang lebih baik.

Pernyataan Persetujuan Termaklum

Saya bagi pihak penulis bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dilaporkan.

Pernyataan Etika

Saya mewakili penulis lain memaklumkan bahawa penulisan artikel ini adalah memenuhi kaedah penulisan ilmiah yang digariskan dengan menulis semua sumber rujukan yang digunakan sepanjang kajian.

Sumbangan Pengarang

Semua penulis yang terlibat dalam penulisan artikel.

Dana

Tidak terdapat sebarang dana diterima dalam penulisan artikel.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan penulisan ini.

Pernyataan Ketersediaan Data

Data dalam artikel ini tidak sulit dan sedia untuk dikongsi sekiranya perlu.

RUJUKAN

- Alya Maisarah Zafary, Wan Mohd Yunus, & Syazwina Mohd Khir. (2024). The effect of financial stress on depression symptoms among working adults in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 14(4), 117–128.
- Amiti, M., Redding, S. J., & Weinstein, D. E. (2019). *The impact of the 2018 trade war on U.S. prices and welfare*. *Journal of Economic Perspectives*, 33(4), 187–210. <https://doi.org/10.1257/jep.33.4.187>
- Aneshensel, C. S. (2009). Toward explaining mental health disparities. *Journal of Health and Social Behavior*, 50(4), 377–394. <https://doi.org/10.1177/002214650905000401>
- Arampatzil, E., Burger, M. J., & Veenhoven, R. (2014). Financial distress and happiness of employee in time of economic crisis. Discussion Paper Tinbergen Institute.
- Augustin, S. (2025, March 20). *Malaysia ranked 5th among ASEAN countries in World Happiness Report*. Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/20/malaysia-ranked-5th-among-asean-countries-in-world-happiness-report/>
- Autor, D. H., Dorn, D., & Hanson, G. H. (2016). The China shock: Learning from labor-market adjustment to large changes in trade. *Annual Review of Economics*, 8, 205–240. <https://doi.org/10.1146/annurev-economics-080315-015041>
- Autor, D. H., Dorn, D., Hanson, G. H., & Majlesi, K. (2020). Importing political polarization? The electoral consequences of rising trade exposure. *American Economic Review*, 100(10), 3139–3183. <https://doi.org/10.1257/aer.20170011>
- Baier, S. L., & Bergstrand, J. H. (2007). Do free trade agreements actually increase members' international trade? *Journal of International Economics*, 71(1), 72–95.

-
- Baldissarri, C., Pagliaro, S., Teresi, M., & Andriaghetto, L. (2023). Humaness in times of uncertainty: On the link between perceived job insecurity, self objectification and well-being. *European Journal of Social Psychology*, 53(1), 195–211.
<https://doi.org/10.1002/ejsp.2897>
- Bown, C. P. (2021). The US-China trade war and phase one agreement. *Journal of Policy Modeling*, 43(4), 805–843.
<https://doi.org/10.1016/j.jpolmod.2021.02.009>
- Bown, C. P. (2025). *US-China trade war tariffs: An up-to-date chart*. Peterson Institute for International Economics.
<https://www.piie.com/research/piie-charts/2019/AS-china-trade-war-tariffs-date-chart>
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Carvalho, M., San, K. G., & Ibrahim, J. (2025, July 22). Tariff talks with US won't compromise on Malaysia's sovereignty, Dewan Rakyat told. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/22/tariff-talks-with-us-won039t-compromise-on-malaysia039s-sovereignty-dewan-rakyat-told>
- Channel News Asia. (2025, April 19). *Trump tariffs: Confusion, fear reign among Malaysia's key exporters but why are some relieved?*
<https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-export-fear-hope-trump-tariffs-5071391>
- Chen, S., & Bonanno, G. A. (2021). Components of emotion regulation flexibility: Linking latent profiles to depressive and anxious symptoms. *Clinical Psychological Science*, 9(2), 236–251.
<https://doi.org/10.1177/2167702620956972>

- Department of Statistics Malaysia. (2021). *Labour Force Survey Report, Malaysia, 2021*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/key-statistics-of-labour-force-in-malaysia-december-2021>
- Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin*, 95(3), 542–575.
- Drydakis N. (2015). The effect of unemployment on self-reported health and mental health in Greece from 2008 to 2013: A longitudinal study before and during the financial crisis. *Social Science & Medicine* (1982), 128, 43–51. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2014.12.025>
- Eichengreen, B., & Irwin, D. A. (2010). *The slide to protectionism in the Great Depression: Who succumbed and why?* *The Journal of Economic History*, 70(4), 871–897. https://econpapers.repec.org/article/cupjechis/v_3a70_3ay_3a2010_3ai_3a04_3ap_3a871-897_5f00.htm
- Faiqah Kamaruddin. (2025, April 4). *Malaysia berisiko hilang sehingga 50000 pekerjaan akibat tarif Trump*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/04/1380419/malaysia-berisiko-hilang-sehingga-50000-pekerjaan-akibat-tarif>
- Fajgelbaum, P. D., Goldberg, P. K., Kennedy, P. J., & Khandelwal, A. K. (2020). The return to protectionism. *The Quarterly Journal of Economics*, 135(1), 1–55.
- Forrer, J. J., & Harrington, K. (2019). *The Trump administration's use of trade tariffs as economic sanctions*. CESifo Forum, 20(4), 23–27. <https://www.cesifo.org/en/publikationen/2019/article-journal/trump-administrations-ASe-trade-tariffs-economic-sanctions>
- Fredrickson, B. L. (1998). What good are positive emotions?. *Review of General Psychology*, 2(3), 300–319.

-
- Fredrickson, B. L. (2001). The role of positive emotions in positive psychology: The broaden-and-build theory of positive emotions. *American Psychologist*, 56(3), 218–226.
- Fredrickson, B. L. (2013). Updated thinking on positive ratios. *American Psychologist*, 68(9), 814–822.
- Fredrickson, B. L., & Losada, M. F. (2005). Positive affect and the complex dynamics of human flourishing. *American Psychologist*, 60(7), 678–686.
- Grantham-Phillips, W. (2025). Trump's tariff's has launched global trade wars, here's a timeline of how we got here. *The Associated Press*. <https://apnews.com/article/tariffs-timeline-trade-war-trump-canada-mexico-china-a9d714eea677488ef9397547d838dbd0>
- Helliwell, J. F., Layard, R., Sachs, J., De Neve, J.-E., Aknin, L. B., & Wang, S. (2025). *World Happiness Report 2025*. Sustainable Development Solutions Network. <https://worldhappiness.report/>
- Hobfoll, S. E. (1989). Conservation of resources: A new attempt at conceptualizing stress. *American Psychologist*, 44(3), 513–524.
- Hobfoll, S. E. (2001). The influence of culture, community, and the nested-self in the stress process: Advancing conservation of resources theory. *Applied Psychology*, 50(3), 337–421. <https://doi.org/10.1111/1464-0597.00062>
- Jiang, L., Xu, X., Zubielevitch, E., & Sibley, C. G. (2025). The reciprocal within-person relationship between job insecurity and life satisfaction: Testing loss and gain spirals with two large-scale longitudinal studies. *Applied Psychology*, 74(1), e12599. <https://doi.org/10.1111/apps.12599>
- Jones, M. K., Latreille, P. L., & Sloane, P. J. (2021). Disability and employment in Britain: Employers' perceptions, actions and

- attitudes. *British Journal of Industrial Relations*, 59(1), 21–44.
<https://doi.org/10.1111/bjir.12577>
- Kazak, A. E., Simms, S., & Rourke, M. T. (2002). Family systems practice in pediatric psychology. *Journal of Pediatric Psychology*, 27(2), 133–143. <https://doi.org/10.1093/jpepsy/27.2.133>
- Lund, C., Breen, A., Flisher, A. J., Kakuma, R., Corrigall, J., Joska, J. A., Swartz, L., & Patel, V. (2010). Poverty and common mental disorders in low and middle income countries: A systematic review. *Social Science & Medicine* (1982), 71(3), 517–528.
<https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2010.04.027>
- Malay Mail. (2025, March 20). *World Happiness Report: Like income, Malaysia stuck in middle*.
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/20/world-happiness-report-like-income-malaysia-stuck-in-middle/170147>
- Malay Mail. (2025, May 14). *Economists dial back Malaysia's 2025 growth forecast amid softer household demand*.
<https://www.malaymail.com/news/money/2025/05/14/economists-dial-back-malaysias-2025-growth-forecast-amid-softer-household-demand/176715>
- Maroto, M., & Pettinichio. (2024). From recession to pandemic: Displacement among workers with disabilities from 2007 through 2021. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 61(2), 1–13.
- McLaughlin, C. C. (2007). *Buying happiness: Family income and adolescent subjective well-being*. (Doctoral dissertation). University of California. Retrieved September 17, 2017 from ProQuest.
- Muhammad Idris Bullare Bahari, & Ra'datul Adilah Nor Zaman. (2019). Pengaruh kesulitan ekonomi, kepuasan perkahwinan dan keagamaan ke atas kebahagiaan. *Southeast Asia Psychology Journal*, 7(3), 30–58.

-
- Mukhriz Mat Husin. (2025, April 10). *60000 pekerja PKS dijangka berisiko hilang pekerjaan*. Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/721998/berita/nasional/60000-pekerja-pks-dijangka-berisiko-hilang-pekerjaan---mef>
- Nurulkamal Masseran, Nazihah Ruzelan, & Nur-Firyal, R. (2024). Trend behaviour of Malaysia Consumer Price Index: Evidence from national database (2003–2022). *Sains Malaysiana*, 53(4), 953–967.
<https://doi.org/10.17576/jsm-2024-5304-17>
- Okoroafor, E. (2025, February 22). *Tariffs: Another form of sanctions? Strategies for countering economic pressure*. BusinessDay NG.
<https://bASinnessday.ng/bd-weekender/article/tariffs-another-form-of-sanctions-strategies-for-countering-economic-pressure/>
- Paul, K. I., & Moser, K. (2009). Unemployment impairs mental health: Meta-analyses. *Journal of Vocational Behavior*, 74(3), 264–282.
- Pearlin, L. I., Menaghan, E. G., Lieberman, M. A., & Mullan, J. T. (1981). The stress process. *Journal of Health and Social Behavior*, 22(4), 337–356.
- Pierce, J. R., & Schott, P. K. (2020). Trade liberalization and mortality: Evidence from U.S. counties. *American Economic Review: Insights*, 2(1), 47–64. <https://doi.org/10.1257/aeri.20180302>
- Rahimi Rahim, & Carvalho, M. (2025), May 5). *All eyes on US tariff response*. The Star.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/05/05/all-eyes-on-AS-tariff-response>
- Rho, H. J., Brown, H., & Fremstad, S. (2020, April). *A basic demographic profile of workers in frontline industries*. Center for Economic and Policy Research. <https://cepr.net/report/a-basic-demographic-profile-of-workers-in-frontline-indASTries/>
- Rochman Hadjam M. N., & Arif Nasiruddin. (2003). Peranan kesulitan

ekonomi, kepuasan kerja dan religiusitas terhadap kesejahteraan psikologis. *Jurnal Psikologi*, 2, 72–80.

- Ross, D. B., Gale, J., Wickrama, K. K. A. S., Goetz, J., & Vowels, M. (2019). The impact of family economic strain on work-family conflict, marital support, marital quality, and marital stability during the middle years. *Journal of Personal Finance*, 18(2), 9–24.
- Ryu, S., & Fan, L. (2022). The relationship between financial worries and psychological distress among U.S. adults. *Journal of Family and Economic issues*, 44(1), 16–33. <http://dx.doi.org/10.1007/s10834-022-09820-9>
- Selenko, E., Makikangas, A., & Stride, C. B. (2017). Does job insecurity threaten who you are? Introducing a social identity perspective to explain well-being and performance consequences of job insecurity. *Journal of Organizational Behavior*, 38(6), 856–875. [#8203;:contentReference\[oaicite:1\]{index=1}](https://doi.org/10.1002/job.2172)
- Shanon, T. (2025, April 19). *Malaysia's trade minister heading to US, seeks to avert tariffs war 'that benefits none'*. The Straits Time. https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysias-trade-minister-heading-to-US-seeks-to-avert-tariff-war-that-benefits-none?utm_source=chatgpt.com
- Siti Noor Faezah Muda (2025, July 8). Apa perlu anda tahu impak tarif Amerika Syarikat ke atas Malaysia. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/737582/global/apa-perlu-anda-tahu-impak-tarif-amerika-syarikat-ke-atas-malaysia>
- Teoh Jia Long, & Muhammad Idris Bullare Bahari. (2022). An instrumental case study on marital happiness among persons with visual disability in Malaysia. *GESJ: Education Science and Psychology*, 2(63), 19–29.

-
- Teoh Jia Long, & Muhammad Idris Bullare-Bahari. (2018). Marital Happiness: An intrinsic case study of Mr. X. *GESJ: Education Science and Psychology*, 1(47), 73–89.
- Thoits, P. A. (2010). Stress and health: Major findings and policy implications. *Journal of Health and Social Behavior*, 51(S), S41–S53. <https://doi.org/10.1177/0022146510383499>
- Turner, R. J., & Lloyd, D. A. (2004). Stress burden and the lifetime incidence of psychiatric disorder in young adults: Racial and ethnic contrasts. *Archives of General Psychiatry*, 61(5), 481–488. <https://doi.org/10.1001/archpsyc.61.5.481>
- Weisner, T. S. (2002). Ecocultural understanding of children's developmental pathways. *Human Development*, 45(4), 275–281. <https://doi.org/10.1159/000064989CoLab+2Karger+2>
- World Bank. (2020). *Aspirations Unfulfilled: Malaysia's Cost of Living Challenges*. Retrieved from <https://documents1.worldbank.org/curated/en/175101597160321052/pdf/Aspirations-Unfulfilled-Malaysias-Cost-of-Living-Challenges.pdf>
- World Bank. (2021). *Malaysia Economic Monitor: Weathering the Surge*. <https://www.worldbank.org>
- World Trade Organization. (2025a). Temporary Tariff pause mitigates trade contraction, but strong downside risks persist. https://www.wto.org/english/news_e/news25_e/tfore_16apr25_e.htm
- World Trade Organization. (2025b). Tariffs: more bindings and closer to zero. https://www.wto.org/english/thewto_e/whatis_e/tif_e/agrm2_e.htm
- Zhang, J. J. (2021). *The U.S.-China trade war and the tariff weapon*. Wilson Center.